

BAB 2

LATAR BELAKANG SEJARAH PERLOMBONGAN TERENGGANU

Negeri Terengganu berada dibahagian pantai timur semenanjung Malaysia, yang terletak diantara garisan lintang Utara 4° hingga $5^{\circ}.55$ dan dikedudukan garisbujur Timur $102^{\circ} 20'$ bersempadan negeri Kelantan dibahagian Utara dan Barat Laut serta juga bersempadankan negeri Pahang dibahagian Selatan dan Barat Daya Manakala di sebelah Timur menghadap Laut China Selatan. Keluasan negeri Terengganu kira-kira 50,000 batu persegi, iaitu 150 batu panjang dan 55 batu lebar. Bentuk muka buminya bertanah tinggi dibahagian Barat Daya pedalaman. Namun agak rata di sebelah timur yang menghala ke muara serta persisiran pantainya.

Penempatan awal di Terengganu lebih tertumpu di kawasan pesisiran pantai dan sungai. Orang Melayu merupakan komuniti utama mendominasi penduduk negeri pantai timur ini. Mereka menetap secara perkampungan dengan berteraskan ekonomi pertanian sara diri¹. Menjelang abad Masihi ke 12, pedagang-pedagang asing seperti Arab, India dan Cina mula datang ke Terengganu. Golongan ini telah merubah sedikit corak dan gaya hidup masyarakat setempat. Mereka mula melibatkan diri dalam bidang perdagangan. Dalam hal ini penulis dapat mengesan penglibatan orang Melayu melalui kesan-kesan peninggalan perahu-perahu besar yang masih dijaga rapi oleh pihak muzium Negeri Terengganu sehingga sekarang.

Perpindahan pusat pemerintahan dari Kuala Berang ke Kuala Terengganu di zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin I, menjadikan Kuala Terengganu sebagai

¹ Hanapi Dollah, "Ekonomi - Politik Terengganu Pra - Kolonial : Satu Analisis Mencari Feudalismenya". *PURBA*, JPM, Bil. 4. 1985.

pusat perdagangan. Perkembangan ekonomi yang berasaskan perdagangan telah membawa perubahan serta kemajuan yang pesat kepada masyarakat Terengganu sehingga mewujudkan Kelas Di Raja dan Bangsawan

Disamping sebahagian besar daripada penduduk Terengganu khususnya orang-orang Melayu, menjalankan aktiviti menangkap ikan, kerja-kerja kemahiran bertukang contohnya mengayam, menenun songket dan membuat ukiran tembaga serta membuat perahu-perahu nelayan. Tanaman padi sawah juga turut diusahakan di kawasan-kawasan lembah sungai yang subur, bagi kawasan pedalaman terutama di lereng-lereng bukit, padi-padi huma ditanam selain daripada itu tanaman kelapa, pisang, ubi dan buah-buahan juga diusahakan. Hasil-hasil hutan seperti rotan, damar, kapur dan kayu balak turut diusahakan oleh penduduk tempatan.²

Sumber ekonomi Terengganu juga diperolehi dari perlombongan bijih timah dan besi. Pada masa Sultan Ahmad Shah I memerintah, baginda telah memerintah melantik Encik Buruk Bin Katib Ismail untuk mentadbir di kawasan tepi Sungai Kemaman kerana beliau mempunyai pengetahuan soal-soal perlombongan bijih timah³. Beliau juga telah membuka lombong bijih dibeberapa buah tempat di kawasan Kemaman dengan modal yang diperolehi daripada baginda Sultan. Beliau dibantu oleh seorang Cina yang bernama Tan Ah Pak.⁴

² A.H.Hill, "The Weaving Industry In Terengganu" *JMBRAS*, Vol.22.pt.3, 1949 hlm. 75

³ Dato Muhibbin Sheppard, Hj."Baginda Omar: The Conqueror" dalam *Malaysia in History*, 12 Oct, 1968.

⁴ Ismail Abdullah, " Sejarah Perlombongan Bijih Besi dan Mengganam di Kemaman", *Malaysia dari segi sejarah*, Bil.8, April 1979, hlm. 109.

PETA NEGERI TERENGGANU

KAWASAN PERLOMBONGAN DI DAERAH DUNGUN



Sumber : Fail persendirian En. Abdul Aziz bin Hj. Mohammad. Bekas kerani Pejabat Daerah Kemaman, Terengganu pada 24.12.1977.

Negeri Terengganu dari segi pendapatan kerajaan, turut mengenakan cukai kepada tanah dan bayaran pajakan yang dipanggil "Pajakan Kuala" yang mana cukai barang-barang yang dibawa masuk hanya dikenakan sedikit sahaja pada setengah-setengah barang seperti minyak tanah, kain dan lain-lain. Pungutan cukai diberikan kepada orang-orang tertentu bagi sebuah pelabuhan seperti Kuala Terengganu, Kuala Kemaman, Kuala Besut dan Kuala Dungun. Pejabat Kastam (pejabat cukai) diwujudkan bagi mengorganisasikan soal-soal cukai dan bayaran pajakan Cukai-cukai yang diperolehi akan digunakan untuk membiayai perbelanjaan negeri.⁵ Terengganu juga memperolehi pendapatan dari cukai cанду yang diniagakan oleh orang Cina.

Pada awal abad ke-20, perusahaan bijih timah mula mendapat tempat dihati pemerintah terutama di kawasan Kemaman. Kesan daripada itu, pelabuhan Kemaman telah berkembang menjadi pelabuhan kedua besar selepas Kuala Terengganu ianya sibuk dengan urusan import dan eksport terutama bijih timah dan wolfram. Perkembangan perlombongan berlaku dengan pesat disebabkan kenaikan harga bijih dipasaran dunia terutama dari tahun 1896 - 1920an. Pada tahun 1896 harga bijih timah sepikul ialah \$ 32.00 dan terus meningkat kepada \$ 89.00 pada tahun 1906.

Kerajaan Negeri Terengganu telah memberi kelulusan mencari gali bijih timah yang mana-mana kawasan di negeri Terengganu. Langkah kerajaan ini telah membawa kepada penubuhan syarikat-syarikat perlombongan seperti *Kajang Mining Co. Ltd*, *Fueda Tin Mining Co. Ltd*. dan *Belavang Mining Co. Ltd*. Lombong bijih timah di Kemaman merupakan satu kawasan yang memberikan sumbangan kira-kira 90 % kepada sumber pendapatan masyarakat dan Negeri Terengganu yang terlibat

⁵ Hj. Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, hlm.167.

dalam sektor perlombongan berbanding dengan kawasan lain. Kawasan yang mempunyai bijih diberikan secara sewaan dengan kebenaran kerajaan " *Mining Lease*". Pengusaha dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam " The Mining Enactment " dan peraturan cukai Negeri Terengganu 1916 seperti cukai 10 % daripada harga jualan galian itu serta peraturan menebang pokok atau hutan bagi kawasan terlibat.⁶

Dari rekod-rekod yang didapati, kawasan ini mengeluarkan hasil terbanyak dalam tahun-tahun 1937 dan 1941. Pada tahun 1937 dianggarkan sebanyak 3,754 tan Semasa Dato' Seri Amar Diraja menjadi Menteri Besar Terengganu,⁷ beliau telah meletakan pentadbiran tanah Terengganu di bawah kawalannya dan menubuhkan Pejabat Syahbandar bagi pemungutan cukai import - eksport. Bagi Cukai Sewaan dan segala jenis pekerjaan yang dilakukan oleh anak tempatan tidak dikenakan apa- apa cukai

Sebagai kesimpulan dapat dikatakan bahawa kemajuan negeri Terengganu pada dekad-dekad abad ke 18 dan 19 telah berkembang pesat. Keadaan ini disokong dengan kemasukan masyarakat luar terutama Arab, India dan Cina yang turut merubah kegiatan ekonomi masyarakat tempatan ke arah perdagangan dan perlombongan.

⁶ Norisa Ibrahim, " Seri Amar Diraja Dan Sumbangan Dalam Aspek Sosio - Ekonomi Dan Agama di Terengganu " dalam *Esei - Esei Sejarah Malaysia*. Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1982, hlm.7.

⁷ Dato' Seri Amar yang menjadi Menteri Besar Terengganu ketika itu ialah Hj.Ngah atau Muhamad.

PEMBAHAGIAN DAERAH

Satu aspek penting dalam kajian penulisan ini ialah melihat pembahagian daerah. Pada awalnya daerah kajian (Dungun) adalah di bawah pentadbiran daerah Kemaman. Oleh sebab itu penulis terpaksa melibatkan sejarah awal pembentukan dan pembahagian daerah-daerah di negeri Terengganu.⁸

Pembahagian wilayah dilakukan bagi memudahkan proses pentadbiran negeri. Di zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III menjadi Sultan Terengganu, negeri Terengganu mempunyai tiga belas buah wilayah di dalamnya. Kesemua wilayah ini jatuh ke tangan waris-waris sultan dan juga Orang Besar Negeri. Penulis mendapati hanya kawasan-kawasan di sebelah sungai Terengganu dan Kuala Telemong hingga ke Kuala Terengganu tidak berada di bawah tangan waris atau Pembesar iaitu di bawah pentadbiran sultan yang mana baginda berhak memungut hasil pendapatannya.⁹

Pembahagian daerah pada zaman Sultan Zainal Abidin III

1. Daerah Kemaman dan Kijal dikuasai oleh saudara sultan, Tengku Muda
2. Daerah Kemasik dikuasai oleh Datuk Mata-Mata.
3. Daerah Kerteh dikuasai oleh Tengku Embong bagi pihak isterinya (anak saudara sultan)
4. Daerah Dungun di bawah Tengku Bukit (nenek saudara sultan).
5. Daerah Merchang di bawah Tengku Putera bagi pihak isterinya (puteri kepada Tengku Long dengan Tengku Safiah).
6. Daerah Marang di bawah Tengku Besar (ipar sultan).

⁸ Abdullah Zakaria Ghazali, " Perubahan Pentadbiran Terengganu 1839 - 1941 " *WARISAN*, 1982, bil. 3, hlm.51.

⁹ H.Clifford " Expedition Through Terengganu and Kelantan " *JMBRAS*, vol. 6, No. 8.June 1949, hlm. 2.

7. Daerah Setiu di bawah Tengku Mahmud bin Tengku Dalam (anak saudara Sultan)
8. Daerah Besut di bawah Tengku Chik Tepok (datok saudara sultan)
9. Daerah Jeram Kelemang hingga ke hulunya di bawah Tengku Chik Pangeran (kakak sultan).
10. Kawasan Jeram Kelemang hingga ke Kuala Kelemang di bawah Encik Abdul Rahim bin Endut (penasihat sultan)
- 11 Sungai Telemong di bawah Tengku Muda (Datuk Saudara Sultan)
12. Sungai Nerus di bawah Engku Saiyed Paloh.
- 13 Kawasan Kuala Telemong hingga Kuala Terengganu di bawah Sultan Zainal Abidin III.

Baginda sultan membuat pembahagian ini bertujuan untuk mengelakan perebutan kuasa dan perbalahan di antara kaum kerabatnya.¹⁰ Selain daripada itu, ia juga sebagai cara menghargai sumbangan pembesar terhadap pemerintahannya dan juga sebagai sumber pendapatan kepada waris-waris sultan. Mereka boleh mendapat hasil melalui cukai yang dikenakan di kawasan masing-masing. Pada masa itu sultan tidak membayar gaji , jadi pendapatan bergantung kepada keupayaan mereka sendiri memungut cukai.¹¹

Pembahagian semula wilayah pentadbiran di zaman British

Penasihat British J.L Humphres telah mengatur semula strategi pentadbiran yang lebih berkesan. Pada peringkat permulaan, beliau telah menyusun daerah-daerah di Terengganu kepada sembilan daerah semuanya. Setiap daerah ditadbir oleh

¹⁰ Abdullah Zakaria Ghazali, *Keadaan Politik dan Sosial Ekonomi Terengganu pada kurun ke-19 dalam Terengganu Dahulu dan Sekarang*, disunting (ed) oleh Abdullah Zakaria Ghazali, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur. 1984, hlm. 53.

¹¹ Surat Anthur Young kepada Sultan Muhamad 16 Jun 1919. *MBOF*, Trg. 203/1338.

Pegawai Daerah yang bergelar Pesuruhjaya Daerah. Tujuan pembentukan ini bagi mengemaskini pentadbiran. Selain daripada itu, beberapa jabatan lain turut dibentuk seperti perkhidmatan awam, polis tanah dan pos.¹²

Pada tahun 1921 beliau telah menggabungkan lagi daerah-daerah kecil ke dalam satu jajahan pentadbiran sahaja, contoh Kemasik, Paka dan Kerteh dimasukkan dalam satu jajahan sahaja. Begitu juga daerah lain seperti Setiu, Besut dan daerah Hulu Terengganu dijadikan daerah baru yang meliputi beberapa kawasan seperti Telemong, Tersat, Jenegor, Tanggol dan Telemong. Pada tahun 1924 Paka, Kerteh, Kemasik dan Kemaman serta Dungun telah disatukan menjadi Jajahan Timur. Penyatuan daerah Dungun dengan Kemaman menyebabkan kerancakan pertumbuhan ekonomi terutama perlombongan. pusat pentadbiran berada di Kemaman iaitu bandar Cukai.

SEJARAH ASAL-USUL DUNGUN

Menurut cerita orang tua-tua, Dungun berasal dari nama pokok. Adalah dipercayai bahawa pada zaman dahulu kala di persisiran pantai daerah Dungun banyak terdapat pokok yang dinamakan Dungun. Oleh itu apabila pedagang-pedagang singgah untuk mengambil air, mereka melihat pokok-pokok tersebut. Mereka menamakan Daerah Dungun mulai dari tarikh itulah mereka menggelarkan Dungun sehingga sekarang. Ada pendapat lain mengatakan Dungun mendapat nama kerana fungsinya sebagai pusat perlindungan daripada tiupan angin pada musim Monsun Timur Laut. Muara Sungai Dungun begitu baik dan terlindung. Oleh itu apabila ribut berlaku bukit-bukit di sekitarnya menjadi lindungan rempuhan ribut dan ombak. Oleh

¹² Dalam tahun 1926 Pesuruhjaya Timur ialah Dato Jaya Perkasa dan Penolong Penasihat British, *J.V Cowgrill A.R.T.* 1926. hlm. 16.

itu pedagang dan nelayan terselamat. Maka sebab itu ia dimanakan Dungun. Namun adalah menjadi persoalan , apakah maksud Dungun itu sendiri ? Apakah maksud terlindung atau istilah bunyi rempuhan ombak ?

Menurut orang tua-tua, Dungun bermaksud bunyi ombak, angin dan ribut merempuh bukit yang menghalang tiupan ribut daripada laut ke darat¹³ Dari tinjauan yang dibuat banyak versi menceritakan tentang nama Dungun. Adalah tersangat sukar untuk menentukan kebenarannya, ini kerana cerita tersebut telah menjadi metos dan setengahnya sengaja mengada-adakan cerita sendiri. Sumber-sumber bertulis tidak dapat ditemui. Walau bagaimanpun kajian cuma boleh membuat hipotesi bahawa ada dua kemungkinan nama Dungun diperolehi sama ada dari nama pokok atau maksud tempat perlindungan manakala yang lain amat meragukan.

Dalam kajian ini tumpuan penulis tertumpu kepada sejarah perlombongan awal di daerah Dungun. Oleh itu penyelidikan tidak memperincikan tentang asal usul nama daerah Dungun, memadailah sekadar sepintas lalu sahaja.

SEJARAH AWAL PERLOMBONGAN TERENGGANU

Perusahaan perlombongan adalah merupakan satu punca ekonomi penting bagi negara kita. Pada tahun 1966, sektor ini menyumbang kira-kira 28% daripada jumlah pendapatan kasar negara serta memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 50,000 orang penduduk. Sehingga ketahun 1960an nyata perusahaan perlombongan yang dijalankan di negara kita khususnya di Malaysia Barat adalah tertumpu kepada dua jenis galian iaitu timah dan besi. Walaupun terdapat hasil-hasil galian lain seperti emas, Boksit, tuagsren, mangganam dan lain-lain, tetapi pengeluarannya sangat kecil

¹³ Kenyataan En. Botok bin Abu, temuramah di pasar ikan Kuala Dungun bertarikh 27.11.2001.

dan dapat dikatakannya galian sampingan yang didapati semasa menjalankan kerja-kerja perlombongan timah dan besi.¹⁴ Walaupun pengeluaran bijih timah dan besi kian merosot tetapi sehingga kini bijih timah merupakan hasil yang paling besar bagi negara kita malah lebih 15% daripada pendapatan negara. Pada tiap-tiap tahun, berpunca daripada hasil cukai bijih timah. Bijih besi pula adalah merupakan hasil yang keempat besarnya bagi negara sebelum tahun 1970. Secara umumnya dapat diterima bahawa agak sukar menentukan tarikh mulanya kegiatan perusahaan perlombongan di tanah air kita.

Mengikut pendapat Wong Kim Len, untuk mengetahui tarikh itu, kita kembali semula ke zaman pra sejarah. Tegasnya, dengan melihat di peringkat awal sebelum perusahaan ini dijalankan dengan pesat mulai pertengahan abad ke-19. Adalah dapat diterima bahawa kegiatan melombong bijih timah di peringkat awal adalah dijalankan oleh orang Melayu secara kecil-kecilan dengan menggunakan melampang, yang mungkin ditiru dari orang-orang Siam. Ini berdasarkan pendapat bahawa, pelombong bijih yang terawal adalah dikendalikan oleh orang-orang Siam.¹⁵

Pada abad ke-5, perdagangan bijih timah di Tanah Melayu telah dikuasai oleh saudagar-saudagar India yang membeli timah dari negeri-negeri dirantau ini dan dijual ke negeri-negeri India. Di negeri India, logam ini digunakan untuk dibuat patung agama Hindu. Pada abad ke-19 pula, dikatakan bahawa saudagar-saudagar

¹⁴ Laporan Dua Tahun yang kelima *Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Lombong Malaya* : 1967-1969, Ipoh, Perak, hlm 69.

¹⁵ *Pelombong Bijih Timah di Tanah Melayu*, Jawatan Kuasa Penerangan Lembaga Perusahaan Bijih Timah Malaya, Ipoh, Perak, 1962, hlm 6.

Arab telah juga membeli logam ini yang mungkin digunakan untuk membuat mata wang. Pada tahun 1921 pula bijih timah telah sedia di eksport ke negeri Cina.¹⁶

Bijih timah adalah merupakan bahan dagangan yang paling penting selain daripada rempah di zaman kerajaan Melayu Melaka. Salah satu tujuan Portugis menguasai Melaka, ialah untuk memonopoli perdagangan bijih timah. Perdagangan bijih timah itu dimonopoli oleh orang-orang Portugis sehingga kejatuhannya 1641. Apabila Melaka berpindah ke tangan Belanda hal yang sama juga turut berlaku sehingga abad ke-18, yang mana pada masa itu orang-orang Inggeris juga telah turut melibatkan diri dalam perdagangan galian itu, khususnya di Tanah Melayu.

Sejajar dengan berlakunya Revolusi Perindustrian di Eropah, permintaan terhadap bahan mentah ini juga bertambah dengan pesatnya. Ini secara langsung telah menggalakkan saudagar-saudagar Cina dan Eropah, terutama di negeri-negeri barat untuk melabur modal dalam perusahaan bijih timah. Pembukaan kawasan perlombongan bijih timah yang berlaku dengan pesatnya mulai pertengahan abad ke-19, khususnya di negeri-negeri Melayu Pantai Barat Semenanjung.¹⁷ Peristiwa ini menandakan titik tolaknya bermula kemasukan kaum imigran terutama orang Cina ke negeri-negeri tersebut, untuk bekerja dalam persatuan perlombongan itu, bagaimanapun sebenarnya orang-orang Cina telahpun tinggal di negeri-negeri Melayu apabila mereka dibawa masuk oleh Belanda pada abad ke-18, yang juga untuk mengusahakan lombong bijih timah tetapi mereka telah bermastautin di negeri-negeri itu kerana kekacauan politik yang secara langsung mendatangkan kesan politik yang

¹⁶ *Malaysia in Brief*, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur : Julai 1964, hlm 82.
ARPTGTr. Tahun 1948, No Fail I.M. Tr. 225 / 48.

¹⁷ Shaharil Robert Talib, *After its own image – The Terengganu Experience 1881 –1941*, Oxford University Press, 1984, hlm. 26.

buruk kepada perusahaan tersebut. Ini menyebabkan pelombong Cina turut berpindah ke tempat lain.¹⁸ Fenomena di pertengahan abad ke-19 menunjukkan bahawa perusahaan perlombongan bijih timah yang selama ini dinyatakan oleh orang Melayu telah bertukar dengan kedatangan orang-orang Cina dan kemudiannya orang-orang Eropah yang turut melibatkan diri dalam perusahaan ini menjelang suku akhir abad ke-19. Tumpuan pengusahaan ini ialah di negeri-negeri Pantai Barat, seperti Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Menjelang akhir abad ke-19, Tanah Melayu telah muncul sebagai kawasan pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia.

Perlombongan Di Terengganu

Walaupun kegiatan melombong bijih timah tertumpu di negeri pantai barat, namun sebenarnya perusahaan ini telah lama dijalankan di negeri-negeri pantai timur, khususnya negeri Terengganu.¹⁹ Malah apa yang menarik, negeri itu telah muncul sebagai sebuah kawasan pengeluar bijih timah yang utama di Tanah Melayu pada suku pertama abad ke-19 negeri di pantai barat amat jelas kebenarannya.²⁰

Negeri Terengganu letaknya digaris bujur antara 102.25° - 103.5° dan garis lintang $4^{\circ}50'$ - $5^{\circ}50'$ di semenanjung Tanah Melayu. Ia bersempadan di sebelah utara dan barat laut dengan negeri Kelantan di sebelah timurnya ialah Laut China Selatan dan sebelah selatan dan barat daya ialah negeri Pahang. Luas negeri itu lebih kurang 5030.9 batu persegi.

¹⁸ Wong Kin Len, "The Malayan Tin Industry", dalam K.G.Treggonaing (ed), *Paper On Malayan History*, Oxford University Press, Singapura, 1962, hlm 10.

¹⁹ Yip Yat Hong, *The Malayan Tin Industry*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 55.

²⁰ Wong Kin Len, *The Malayan Tin Industry to 1914*, University Tuscon, Press 1965, hlm. 20.

Penduduknya pada tahun 1970 ialah seramai 405, 751 orang. 80% daripadanya adalah bangsa Melayu. Ibu negeri Terengganu ialah Bandar Kuala Terengganu. Negeri itu terbahagi kepada enam bahagian jajahan 1970, iaitu :²¹

(i).	Kuala Terengganu	luasnya	500.7 batu persegi
(ii)	Besut	luasnya	878.2 batu persegi
(iii)	Hulu Terengganu	luasnya	1,474.21 batu persegi
(iv).	Marang	luasnya	208.0 batu persegi
(v).	Dungun	luasnya	1,018.4 batu persegi
(vi).	Kemaman	luasnya	947.1 batu persegi

Ini berdasarkan satu pendapat yang mengatakan bahawa "Terengganu is an old mining State".²² Seperti dikatakan tadi, pada pertengahan abad ke-19, Negeri Terengganu telah mengeksport bijih timah ke luar negeri. Jumlah pengeluarannya adalah terbanyak sekali berbanding dengan lain-lain kawasan Pantai Timur Semenanjung. Jumlah juga hampir menyamai keluaran dari negeri Perak, iaitu sebuah negeri pengeluarannya yang memang kaya dengan hasil bijih timah. Ini dapat dibuktikan dari jadual di bawah²³

²¹ Khoo Kay Kim, "Latar belakang Sejarah Masyarakat India dan China di Tanah Melayu", dalam *JEBAT*, Jurnal Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Bil. 1, 1971/1972, hlm. 19

²² Untuk lebih lanjut sila lihat : *Cendermata Sambutan Perayaan Genap 25 tahun Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Sultan Terengganu*, pada 16 Disember 1970, Kerajaan negeri Terengganu, Kuala Terengganu, pada hlm. 4 (a).

²³ Annual Report Pesuruhjaya Tanah dan Galian (AROTGTR), 1948, fail : Inspector of Mines 225/48 Arkib Negara Malaysia, (ANM), Kuala Lumpur, hlm. 2.

JADUAL 2.1

PERBANDINGAN PENGELUARAN TIMAH ANTARA PANTAI BARAT DAN PANTAI TIMUR 1921

Pantai Barat ²⁴		Pantai Timur	
Kawasan	Pengeluaran	Kawasan	Pengeluaran
Sungai Ujung	7,000	Pahang	1,000
Perak	7,500	Terengganu	7,000
Kedah	600	Kelantan	3,000
Ujong Salang	1,500	Petani	1,000
Pungah	1,500		
Selangor	3,600		
Jumlah	22,000	Jumlah	12,000

Sumber : Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur 1965.

Jadual 2.1 menunjukkan perbandingan kawasan dan pengeluar bijih timah antara Pantai Barat dan Pantai Timur. Bagi Pantai Barat, jumlah pengeluaran timah banyak dihasilkan oleh negeri Perak, sebanyak 7500 pikul pada tahun 1921. Diikuti oleh Sungai Ujung, Negeri Sembilan sebanyak 7000 pikul dan Selangor, 3600 pikul manakala di Pantai Timur pada tahun 1921, Terengganu mengeluarkan 7000 pikul timah menyamai Sungai Ujung diikuti oleh Kelantan, 3000 pikul hampir menyamai negeri Selangor. Seperti juga keadaannya dengan negeri-negeri Melayu yang lain di Semenanjung pada pertengahan abad ke-19 atau sebelumnya, adalah menjadi kebiasaan kepada sultan atau pembesar-pembesar negeri untuk turut melibatkan diri dalam perusahaan perlombongan ini, khususnya dari segi pemberian modal

²⁴ Dalam Jadual 2.1 termasuk beberapa kawasan yang merupakan wilayah-wilayah dalam negeri Siam sekarang. Kawasan-kawasan ini dimasukkan mungkin untuk dibuat perbandingan sahaja.

Fenomena ini juga berlaku di negeri Terengganu. Ini berdasarkan satu laporan yang mengatakan :

... Kemudian daripada itu Sultan Ahmad Shah telah memerintah dua orang pegawai baginda pergi memerintah di kawasan Kemaman, iaitu seorang bernama Abdul Rahman bin Musa ditugaskan memerintah di Sebelah Kuala Kemaman dan seorang lagi bernama Enci Buruk bin Katib Ismail memerintah di kawasan tepi Sungai Kemaman kerana ia tahu pasal melombong bijih timah. Dengan usaha Encik Buruk, telah didapati bijih timah di tempat bernama Bandi di Hulu Kemaman dan Sungai Ayam di Kemaman. Dengan bantuan seorang ketua Cina bernama Tan Ah Pa, Encik Buruk telah membuka lombong bijih timah di beberapa buah tempat di Kemaman dengan modal yang diberikan oleh Sultan Terengganu.²⁵

Perusahaan perlombongan yang dijalankan di Negeri Terengganu pada pertengahan abad ke-19 bukan sahaja tertumpu kepada melombong bijih timah, malah galian-galian yang lain juga turut dilombong, seperti emas dan wolfram²⁶

Bagaimanapun bahan-bahan galian yang lain seperti manggamam, besi, Boksit dan tungsten, walaupun terdapat di negeri Terengganu tetapi ia tidak diusahakan sehingga keawal abad ke-20. Dari berbagai-bagai galian yang disebutkan tadi, menunjukkan bahawa negeri Terengganu memang kaya dengan hasil-hasil galian²⁷

²⁵ Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, hlm. 174.

²⁶ Wong Kin Len, *The Malayan Tin Industry to 1941*, hlm. 20.

²⁷ ARDTGTr., No Fail : I.M.Tr. 74 / 38, Tahun 1937, ANM, Kuala Lumpur.

Emas keluaran dari Tanah Melayu sebanyak 19,800 tan pada pertengahan abad ke-19, sebahagiannya adalah pengeluaran dari negeri Terengganu.²⁸ Malah pada ketika itu emas merupakan eksport terpenting selain daripada bijih timah, kopi, binatang ternakan dan ikan kering. Adalah dipercayai kawasan utama pada masa itu ialah di Langkap, Sungai Tong, Setiu, Hulu Besut, Hulu Marang dan Hulu Kemaman.

²⁹ Kawasan ini sangat kaya dengan longgokan emas yang bermutu. Kawasan longgokan bijih timah dan wolfram yang terdapat di Terengganu adalah termasuk dalam lingkungan yang dikenali sebagai, ' Eastern Tin Belt '. Kawasan Eastern Tin Belt ini tidaklah begitu luas berbanding dengan

Terengganu, Pahang dan Johor.³⁰

Kawasan yang terkaya dengan simpanan bijih timah adalah terletak di bahagian timur Pahang yang mana berlanjutan ke utara sehauh kira-kira 50 batu meliputi bahagian selatan negeri Terengganu. Oleh itu, perusahaan perlombongan di negeri Terengganu adalah tertumpu di bahagian selatannya iaitu meliputi daerah Kemaman dan Dungun. Oleh kerana di daerah-daerah lain seperti Kuala Terengganu, Besut, Hulu Terengganu dan Marang, bahan-bahan galian kurang, maka kegiatan perusahaan perlombongan dapat dikatakan kurang dijalankan di kawasan tersebut. Telah diperkatakan, perusahaan perlombongan bijih timah telahpun dijalankan di negeri Terengganu dengan agak pesat sebelum pertengahan abad ke-19 lagi.³¹ Sayangnya tidak terdapat rekod yang mencatat perkembangan selanjutnya terutama

²⁸ Richard Winstedt, *The Malays : A Cultural History*, University Press, London, Singapura 1961, hlm. 129.

²⁹ John Bastin dan R.W Winks. *Selected Historical Reading of Modern Malay*, Oxford University Press Kuala Lumpur, 1966, hlm. 148.

³⁰ ARPTGTr, Tahun 1948, hlm. 2.

³¹ Siti Hanum Mohd Sangkut, Masalah-masalah tertentu dalam Perusahaan Bijih Timah Prospek Masa Hadapan di Malaysia, (B.A.Tesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur), 1974, hlm. 5.

diantara tahun 1850an hingga 1870an. Mungkin pada tempoh ini usaha untuk membuka kawasan perlombongan sangat kurang dijalankan. Bagaimanapun apabila Sultan Zainal Abidin III memerintah Terengganu mulai tahun 1881, baginda sentiasa memberi galakan dan kemudahan kepada pengusaha-pengusaha perlombongan di negeri Terengganu.³² Sultan Zainal Abidin III telah menganugerahkan beberapa kawasan yang dipercayai mengandungi bahan-bahan galian utama di daerah Kemaman dan Dungun kepada beberapa orang pengusaha lombong dan juga syarat-syarat perlombongan dalam bentuk "kongsi".³³ Justeru itu mulai tahun-tahun 1890an, malah juga di kawasan lain turut ditemui di negeri Terengganu.³⁴

Pada tahun 1911 usaha untuk membuka lombong bijih timah telah dijalankan di daerah Besut tetapi gagal kerana terpaksa menanggung kos yang tinggi sedangkan pengeluarannya rendah.³⁵ Percubaan yang dibuat di kawasan Hulu Terengganu, pada tahun 1912 hingga 1916. Sebuah syarikat iaitu Bukit Tawang Hydraulic Mining Company Ltd, telah membuka lombong bijih di Bukit Tawang. Lombong ini juga terpaksa ditutup kerana menanggung kos yang tinggi. Pada tahun yang sama kira-kira 30 Kuala Terengganu.³⁶

Selain daripada bijih timah, wolfram juga dilombong di Terengganu. Misalnya

³² Pada pertengahan abad ke-2, Sultan yang memerintah Terengganu ialah Sultan Alumad Syah I (1836- 1839) diikuti Sultan Baginda Omar (1836 - 1839). Lebih lanjut lihat J. Allon, "Sultan Zainal Abidin III", dalam Malaya in History, vol. 12, No. 1, *The Malayan Historical Society*, Kuala Lumpur, Oktober 1968 hlm. 15.

³³ ARPTGTr. Tahun 1968, hlm. 2.

³⁴ J. Allon, *op.cit.* hlm. 3.

³⁵ ARPTGTr. Tahun 1948, hlm. 2.

³⁶ *Ibid.*

di Bukit Lentor dan Bukit Bidong Darat, Kuala Berang selain daripada itu terdapat juga lombong tungsten. Sebuah sindiket (*syndicate*) iaitu *Dungun River Development Syndicate Company Ltd*, telah ditubuhkan di Dungun.³⁷ Sindiket ini telah membuka beberapa buah lombong bijih timah di Hulu Dungun. Sindiket ini juga telah berusaha untuk membuka semula lombong di Bukit Lentor yang telah ditutup pada tahun 1913. Melombong juga dijalankan di Paka dalam daerah Dungun. Dipercayai Paka adalah merupakan kawasan perlombongan yang tertua di Terengganu. Bagaimanpun ia cuma dapat dikesan pada tahun 1913 apabila lombong bijih timah di kawasan itu telah diusahakan oleh Joe Juan Kongsi dan Lee Wah Kongsi, menjelang akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, pembukaan kawasan-kawasan perlombongan yang baru secara besar-besaran telah juga dijalankan di daerah Kemaman, iaitu kawasan yang banyak sekali terdapat hasil-hasil galian di Terengganu. Bukan sahaja lombong timah, tetapi besi, wolfram dan manggamam telah juga dilombong di kawasan ini.³⁸

Pembukaan yang pesat dalam jangka masa di atas, khususnya pada suku pertama abad ke-20, adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara faktor penting ialah kerana kenaikan harga bijih di pasaran yang berlaku mulai tahun 1890an dan berterusan hingga ketahun 1920an. Misalnya pada tahun 1896 harga purata bijih timah sepikul ialah \$32.00. Pada tahun 1906 harganya meningkat menjadi \$89.50 sepikul dan terus meningkat lagi menjadi \$103.30 sepikul pada tahun 1913.³⁹

Kenaikan harga ini menyebabkan pelabur-pelabur bijih timah di negeri-negeri Selat terutama saudagar Cina telah berusaha mencari kawasan perlombongan yang

³⁷ ARPTGTr. Tahun 1937, No. Fail : I. M.Tr. 721/38 ANM Kuala Lumpur, (tiada tercatat hlm)...

³⁸ ARPTGTr. Tahun 1948, hlm. 2 - 3.

³⁹ Jenny Soh, Tin Mining in Selangor, (B. A. Tesis, University of Malaya in Singapore, 1960), hlm. 8.

baru. Dalam hal ini Terengganu telah menjadi tumpuan mereka kerana Terengganu memang tidak jauh dari Singapura. Hubungan laut antara Singapura dengan Terengganu adalah mudah. Dalam jangka masa tersebut, perusahaan untuk membuka kawasan perlombongan terus meningkat. Ini dapat dilihat dari jadual di bawah :

JADUAL 2.2
PERMOHONAN KAWASAN PERLOMBONGAN
DI TERENGGANU PADA TAHUN 1921 – 1938⁴⁰

TAHUN	PERMOHONAN		BERDAFTAR "MINING TITLES"		
	MEMOHON	LULUS	LUAS (ekar)	UNIT	SEWA
1921	11	5	27	? ⁴¹	?
1922	10	5	?	?	6,726,00
1923	79	52	?	28	10,648,00
1924	115	72	?	46	12,858,00
1925	129	90	?	98	6,179,00
1926	?	?	?	?	8,458,00
1927	?	94	?	?	?
1928	?	28	?	?	10,412,00
1929	?	?	?	?	8,916,00
1930	13	5	9,754	73	8,818,00
1931	?	?	?	?	7,441,00
1932	?	1	8,878	?	7,229,00
1933	?	3	8,878	?	7,465,00
1934	?	15	9,078	?	8,440,00
1935	?	11	9,461	?	7,971,00
1936	?	?	?	?	7,035,00
1937	58	12	10,954	?	8,414,00
1938	37	14	10,704	?	?

Sumber : *Annual Report Pejabat Tanah dan Galian Negeri Terengganu* 1948, Arkib Negara Malaysia

⁴⁰ ARPTGTr. Tahun 1948, hlm. 4.

⁴¹ Bertanda (?) menunjukkan tiada terdapat catatan pada tahun tersebut.

Jadual di atas menunjukkan minat pelabur terhadap sektor perlombongan di Terengganu. Jika dibuat perbandingan, pada tahun 1921 terdapat 11 permohonan yang mana 5 daripadanya telah diluluskan. Pada tahun 1930, terdapat 13 permohonan, 5 daripadanya telah diluluskan dengan keluasan 9,754 dengan kadar sewa RM 8,818.00. Pada tahun 1932, keluasan yang diusahakan sedikit menurun kerana masalah ekonomi dunia yang gawat. Menjelang tahun 1935 – 1938, kadar keluasan kawasan perlombongan terus meningkat sehingga 10,704 ekar.

Dari Jadual 2.1 tersebut membuktikan bahawa bilangan permohonan untuk membuka kawasan perlombongan di Terengganu telah bertambah dengan pesatnya menjelang tahun-tahun 1920an. Disamping kenaikan harga bijih timah pada masa itu, satu sebab lagi mendorong pengusaha-pengusaha lombong untuk membuka lombong bijih timah dan lain-lain lombong lagi di Terengganu adalah kerana keadaan politik dan pentadbiran yang baik di Terengganu pada masa itu. Beberapa perubahan telah berlaku di Terengganu khususnya sejak tahun 1910. Apabila Terengganu secara rasmi menerima 80 orang agen British, yang berfungsi sebagai penasihat kepada Sultan mengenai hal-hal pentadbiran. Beberapa buah Institusi Pentadbiran Moden telah ditubuhkan sejak tahun 1910an itu. Misalnya, seorang bangsa Inggeris telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Tanah dan Galian pada tahun 1923.⁴²

Dengan keadaan politik yang stabil dan pentadbiran yang licin serta diikuti dengan beberapa usaha untuk membina infrastruktur seperti pelabuhan-pelabuhan persisir iaitu seperti pelabuhan Chukai, Dungun dan Kuala Terengganu dengan beberapa kemudahan di pelabuhan persisir itu, maka ini telah menggalakkan lebih

⁴² Sir W.G. Maxwell and W>S. Gibson "Treaties and Engagements Effecting the Malay State and Borneo, London, 1924, dalam Chabg Su Ming, "Kelantan and Terengganu" (1909 - 1939) *JMBRAS*, Vol. 38, Pt. I, 1965, hlm. 112.

ramai lagi pengusaha-pengusaha perlombongan khususnya dari negeri-negeri Selat melaburkan modal dalam sektor perlombongan di negeri Terengganu.⁴³

Pada pendapat mereka negeri Terengganu adalah mempunyai potensi yang menggalakkan dari segi perusahaan perlombongan. Ini ditambah pula dengan polisi kerajaan Terengganu yang seboleh-boleh untuk "to encourage the investment of foreign capital ". Pada tahap ini, banyak syarikat-syarikat perlombongan telah ditubuhkan di Singapura adalah seperti *Kajang (Kemaman) Mining Company Ltd, Freda Tin Ming Company Ltd, Bukit Bandi Mining Syndicate, Chebdering Wolfram Mines Ltd, Sungai Ayam Tin Mines Company, Chemuak Tin Mining Company Ltd* dan Belawan Mining diantaranya ialah syarikat perlombongan Hulu Petris (Kemaman) Ltd dan *Ishihara Sangyo Koshi Ltd*.

Kebanyakan daripada syarikat-syarikat perlombongan yang menjalankan usaha-usaha melombong di Terengganu adalah kepunyaan saudagar-saudagar Cina dari Singapura. Sehingga ke tahun 1916, cuma terdapat sebuah lombong kepunyaan syarikat Eropah iaitu *Bukit Bandi Tin Mining Syndicate*.⁴⁴ Disamping itu, mulai tahun 1920an orang-orang Jepun pula turut melibatkan diri dalam kegiatan melombong di Terengganu. Syarikat-syarikat perlombongan kepunyaan orang-orang Jepun ialah syarikat ini ditubuhkan di negeri Jepun. Untuk mendapatkan kawasan tanah perlombongan dan usaha-usaha melombong, sesebuah syarikat atau pengusaha lombong itu, haruslah melalui prosedur tertentu.

⁴³ ARSUKTr, Tahun 1923, Fail SUKTr. ANM Kuala Lumpur, hlm. 13.

⁴⁴ A.Hill "The Weving Industry in Terengganu" JMBrAS, Vol. 22. Pt.3.31949, hlm.75.

Pertama sekali ia harus mencari satu kawasan yang dipercayai mengandungi galian. Setelah itu barulah memohon surat kebenaran untuk menjalankan usaha carigali (*Boring Test*) di kawasan yang dipilih itu. Surat kebenaran itu dikenali sebagai "*Prospecting Permit*", yang diperolehi dari Pesuruhjaya Tanah dan Galian Terengganu. Setelah itu barulah kerja-kerja mengesan bijih untuk menentukan sama ada kawasan itu terdapat galian atau sebaliknya. Setelah dibuktikan kawasan itu memang mengandungi galian, barulah dibuat permohonan secara rasmi kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian untuk kebenaran menyewa tapak tanah itu.

Lombong yang telah mendapat surat kebenaran itu, haruslah patuh kepada peraturan-peraturan tertentu seperti mana yang terkandung di dalam "*Mining Enactment*". Kebenaran membuka lombong itu dikenali sebagai "*Mining Lease*".⁴⁵ Pihak Pengguna Selain daripada itu mereka mestilah patuh kepada "Peraturan-peraturan Cukai Terengganu Tahun 1916" yang mana mereka mestilah membayar cukai sebanyak 10% daripada harga jualan galian itu. Cukai ini dibayar kepada Pengurus Kastam di Pelabuhan Dungun dan Kuala Terengganu, iaitu tempat yang mana semua bijih timah itu hendak dieksport. Bagi memudahkan kerja-kerja pengurusan mengenai perlombongan ini, kerajaan Terengganu telah melantik seorang Inspektor Lombong yang ditempatkan di Pejabat Daerah Kemaman dan juga Pengawas Lombong di Dungun.

Perlantikan pegawai-pegawai ini dibuat memandangkan kegiatan perusahaan perlombongan di Terengganu hampir 90% daripadanya dijalankan di kedua-

⁴⁵ *British Rule in East Asia*, Rusell and Rusell, New York Press, 1970, him. 107.

dua daerah ini.⁴⁶ Berbeza dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu ketika itu, di Terengganu kebanyakannya daripada kegiatan melombong adalah dijalankan di kawasan-kawasan " konsesi ". Mengikut perangkaan yang dijalankan pada tahun 1947, luas tanah kawasan perlombongan di negeri Terengganu adalah seperti berikut :

JADUAL 2.3

LUAS TANAH PERLOMBONGAN DI TERENGGANU PADA TAHUN 1947- DALAM KIRAAN EKAR⁴⁷

Jumlah Kawasan Bukan Konsesi Pada : 31 . 12 . 47	Kawasan Konsesi 31 . 12 . 47	Kawasan Dimansuhkan	Jumlah (Luas) 31 . 12 . 47
24,782,991	60,000,000	319,785	84,463,286

Sumber : Fail British Advisor Kemaman, Terengganu 1947

Sehingga tahun 1947, dari seluas 84,463.286 ekar tanah kawasan perlombongan yang ada diusahakan untuk tujuan melombong. Analisa keluasan tanah perlombongan mengikut jenis galian pada tahun 1947, adalah seperti berikut :

⁴⁶ "Mines Annual Census" dalam fail PTGTr. No. I. M. Tr. 151/38.

⁴⁷ J.L. Humpreys, *The Annual Report British Agent Terengganu 1947*, F.M.S. Government Printers, Kuala Lumpur, 1948, hlm. 9.

JADUAL 2.4

ANALISA LUAS KAWASAN PERLOMBONGAN DI TERENGGANU MENGIKUT JENIS GALIAN SEHINGGA TAHUN 1947. (Kiraan dalam ekar)

Bijih Timah	Besi	Wolfram	Boksait	Graphait	Emas	Jumlah
6,327.8	3,474.9	1,657.6	12,800.00	134.9	69 0	244,463,286

Sumber : Fail Pesunuhjaya Tanah dan Galian Terengganu (SUKTr) 1923
ANM Kuala Lumpur

Dari jadual di atas, menunjukkan bahawa boksit, grafit dan emas ada dilombong di Terengganu. Walau bagaimanpun sebelum pendudukan Jepun, boksit dan grafit belum lagi dilombong. Begitu juga emas, tidak pula dicatatkan di kawasan manakah galian yang amat berharga itu dilombong dalam negeri Terengganu.⁴⁸

Perlombongan Timah Di Terengganu

Telah diperkatakan, melombong bijih timah telahpun dijalankan dengan agak pesat di Terengganu, khususnya di daerah Kemaman dan Dungun sejak pertengahan abad ke-19 lagi. Hampir 90% daripada kegiatan melombong bijih timah di Terengganu adalah dijalankan di daerah Kemaman dan Dungun. Empat buah kawasan lombong bijih timah di Kemaman yang terbesar ialah kawasan lombong Bukit Bandi, Sungai Ayam, Tebak dan Kajang. Kesemua kawasan ini terletak di kawasan Hulu Kemaman.⁴⁹

⁴⁸ Siti Hanum Mohd Sangkut, *op. cit.*, hlm. 11.

⁴⁹ Fail dlm LOK.No.376 / 2603,1926, ANM Kuala Lumpur.

Kawasan Lombong Konsesi Bukit Bandi

Dipercayai kawasan ini merupakan kawasan lombong bijih timah yang tertua di Terengganu. Melombong kawasan ini telah dimulakan sejak tahun 1856, yang mana dimodali oleh Sultan Baginda Omar yang memerintah negeri Terengganu pada masa itu.⁵⁰ Kegiatan melombong di situ diteruskan sehingga ke akhir abad ke-19. Dalam masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, baginda telah menganugerahkan kawasan Bukit Bandi kepada seorang saudagar Cina yang bernama Chia Chan dalam bentuk konsesi pada tahun 1889. Konsesi ini diberi dalam tempoh selama 60 tahun. Di kawasan konsesi ini terdapat beberapa buah syarikat yang menjalankan usaha melombong bijih timah. Misalnya pada tahun 1891, *Bandi Tin Mining Syndicate* telah ditubuhkan. Sindiket ini membuka sebuah lombong bijih timah di kawasan itu dengan kaedah bawah tanah melampan. Pada tahun 1904, sindiket ini telah menjualkan miliknya kepada Syarikat *Guthrie* yang terus mengendalikan perusahaan melombong di kawasan itu sehingga tahun 1921.⁵¹

Sebuah syarikat lagi, iaitu *Ferda Tin Mining Company Ltd*, telah ditubuhkan pada tahun 1923, yang juga menjalankan usaha melombong di kawasan ini dengan modal sebanyak \$5000,000. Disamping itu, sebuah syarikat lagi iaitu *Australian Mining Company Ltd*, yang juga dikenali sebagai *Bukit Bandi Tin Oredging Company Ltd*, telah ditubuhkan di Singapura yang menjalankan usaha melombong di kawasan ini dengan bermodal sebanyak \$85,000. Pada tahun 1921, syarikat ini telah mengambil alih lombong kepunyaan syarikat *Guthrie*. Syarikat ini telah menjalankan usaha melombong sehingga ke tahun 1936, kemudian telah menjualnya kepada seorang saudagar Cina bernama Lai Ah Hon. Begitu juga dengan *Freda Tin Mining*

⁵⁰ Fail SUK Terengganu Tahun 1916, No. 340 / 1334. ANM Kuala Lumpur.

⁵¹ Kenyataan Hj. Muhamad bin Awang, Kemaman, ditemuramah di rumahnya pada 22. 6.2001.

Company. Hak milik lombong-lombong di Bukit Bandi sentiasa bertukar tangan hingga jatuh ke tangan syarikat perlombongan Teek Leong pada tahun 1941. Beberapa kawasan kecil yang termasuk di dalam konsesi Bukit Bandi ini ialah kawasan Bukit Bandi, Sungai Chemuak, Sungai Bandi, Sungai Paluh Jenang, Sungai Tikus dan Sungai Mengkuang⁵²

Perusahaan melombong bijih timah di kawasan ini telah mula dijalankan pada tahun 1897 dengan kaedah lombong bawah tanah. Pengurusan lombong adalah di bawah tadbiran *Freda Tin Mining Company* yang kemudiannya telah dijual kepada Lui Ah Hon pada tahun 1936.⁵³ Kegiatan melombong bijih timah di kawasan ini masih berjalan hingga sekarang. Kawasan konsesi Sungai Ayam ini mengandungi empat kawasan kecil iaitu Sungai Jeram Tujuh, Sungai Gharu, Sungai Ayam dan Bukit Ayam. Ia meliputi kawasan seluas 15,000 ekar.⁵⁴

Kawasan Perlombongan Kajang

Perlombongan di kawasan ini bermula pada tahun 1916 apabila sekumpulan pelombong Cina membuka lombong bijih di kawasan ini di bawah pengurusan Syndicate of Terengganu Malaya. Pada tahun 1916, pengeluaran timah berjumlah 1,396 pikul. Pada tahun 1920, sindiket ini telah menjualkan lombong bijih timah ini kepada *Kajang (Kemaman) Tin Mining Company Ltd*. Separuh daripada modal syarikat lombong ini adalah kepunyaan orang-orang Melayu. Begitu juga dengan pengurusannya, lombong bijih timah Kajang ini merupakan satu-satunya lombong

⁵² *ARTr*, 1948. GP, Kuala Lumpur, 1949, hlm. 47.

⁵³ *ARPTGTr*. Tahun 1948, hlm. 12.

⁵⁴ *ARPTGTr*. Tahun 1948, hlm 13. Lihat juga "Mines Annual Census 1937" dalam *fail PTGTr*, No 151/38 ANM Kuala Lumpur

yang diurus dan dimonopoli oleh sebahagian besar daripada orang melayu dalam daerah Kemaman. Ia adalah merupakan salah satu lombong bijih yang terbesar di Terengganu dan masih diusahakan hingga sekarang⁵⁵.

Kawasan Perlombongan Tebak

Kegiatan melombong bijih timah di kawasan ini telah bermula pada tahun 916, yang dijalankan oleh syarikat perlombongan Kemaman Sdn. Bhd (*Kemaman Mining Company Ltd*) Dua tahun Syarikat ini telah menjual hak miliknya kepada *Tebak Tin Field Ltd.*. Perlombongan di kawasan seluas ini dijalankan dengan menggunakan kaedah pam kelikir (*Gravil Pump*) dan melampau. Kawasan Tebak mengandungi 26 buah kawasan kecil, iaitu Sungai Kajang, Bukit Kajang, Sungai Banum, Sungai Sendak, Sungai Gajah Mati, Sungai Senik, Sungai Mawar Buluh Nipis, Jeram Tasik, Sungai Jernih, Air Keroh, Lintang, Bandir, Sungai Buaya, Sungai Rasu, Sungai Patris, Leceh, Sungai Kiri, Sungai Batu, Planton, Sungai Manisan, Sungai Tanduk, Sungai Burung, Sungai Timah dan Bukit Kambing.⁵⁶

Perlombongan Bijih Timah di Daerah Dungun

Selain daripada Kemaman, perusahaan melombong bijih timah juga dijalankan di daerah Dungun, khususnya di kawasan Hulu Dungun. Bagaimanapun, pelombongan di daerah ini tidaklah begitu produktif berbanding dengan daerah Kemaman. Juga tidak terdapat lombong dan juga kawasan yang besar seperti mana yang terdapat di Kemaman.⁵⁷ Kebanyakan daripada kawasan Fail I.M. Tr. 225 / 48 perlombongan yang

⁵⁵ ARPTGTr. Tahun 1948, No Fail I.M. Tr. 225 / 48.

⁵⁶ ARPTGTr. Tahun 1948, No Fail I.M. Tr. 225 / 48.

⁵⁷ Fail SUKTr No.RCT 198 / 1947 ANM Kuala Lumpur.

terdapat di Dungun adalah terletak di Mukin Jengai dan Hulu Paka. Ia meliputi 14 kawasan kecil iaitu Sungai Chemuak, Sungai Damar, Sungai Burung, Sungai Belawan, Sungai Kangkong, Buluh Nipis, Selinging Kuah, Sungai Masirah, Sungai Merpoh, Selinging Pedal, Sungai Akar, Sungai Punggur, Sungai Kekedik, Sungai Kerak dan Bukit Lantur.⁵⁸

Tidak seperti Kemaman yang hampir kesemua bijih diusahakan oleh orang Cina atau syarikat-syarikat, tetapi di Dungun orang-orang Melayu telah melibatkan diri dalam perusahaan ini. Contohnya pada tahun 1937, dari 14 buah syarikat perlombongan yang ada di Dungun, 3 buah daripadanya adalah syarikat Melayu yang juga mempunyai lombong yang sama besar dengan yang diusahakan oleh syarikat bangsa Cina.

Cara Melombong Bijih Timah Sebelum Pendudukan Jepun.

Sebagaimana yang dijelaskan, kebanyakan daripada syarikat-syarikat perlombongan yang menjalankan usaha melombong di Terengganu adalah syarikat kepunyaan bangsa Cina. Kebanyakan daripada ini tidaklah begitu besar berbanding dengan syarikat-syarikat perlombongan bangsa Eropah yang menjalankan perusahaan melombong di negeri-negeri Melayu Bersekutu. Oleh kerana rata-rata syarikat ini bermodal tidak lebih daripada \$500,000,⁵⁹ maka mereka tidak mampu menggunakan peralatan perlombongan yang mahal seperti kapal korek yang berharga tidak kurang dari \$10 juta sebuah. Justeru itu, kebanyakan lombong timah di Terengganu menggunakan pam kelikir, bomba palong, lombong terbuka, lombong

⁵⁸ Fail SUKTr dlm SAOT no 81 / 1946.

⁵⁹ "Mines Annual Census" 1938 dalam Fail PTGTr No : 193/38.

bawah tanah dan melampau. Kaedah ini memang sesuai di Terengganu memandangkan keadaan tanah dan kawasan perlombongan di sini adalah terletak di kawasan-kawasan yang berbukit dan jauh di pedalaman yang mana amat sukar membawa alatan yang berat ke kawasan perlombongan. Keadaan ini ditambah pula dengan jalan perhubungan pada masa itu cuma menggunakan sungai.

Walau bagaimanapun, tidak pula terdapat rekod yang lengkap mengenai jumlah lombong di Terengganu yang menggunakan kaedah-kaedah sebagaimana yang disebutkan tadi. perlombongan bijih timah di Terengganu. (Lihat Jadual 24 pada halaman berikutnya)⁶⁰ Dari segi pengeluarannya pula, juga tidak terdapat rekod yang lengkap yang mencatatkan jumlah pengeluaran bijih timah dari 4 kawasan lombong yang terbesar di daerah Kemaman iaitu lombong Bukit Bandi, Sungai Ayam dan Tebak. Kawasan ini menyumbangkan 90 % daripada keluaran bijih timah dari negeri Terengganu, khususnya sebelum tahun 1942. Jumlah keluaran dari empat kawasan ini dapat dilihat dari Jadual pada helaian berikutnya.⁶¹

⁶⁰ ARPTGTr. Tahun 1948, hlm. 10

⁶¹ Custom Department : Annual Report 1936 and 1937 dalam Fail BAT no 188 / 1937, ANM Kuala Lumpur.

JADUAL 2.5

**ALATAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH
DI TERENGGANU PADA TAHUN 1937**

JENIS ENGIN	KUASA KUDA (CC)	UNIT
Injin Wap	180	16
	90	17
	50	1
	40	2
Injin Wap Elektrik (Steam Electric)	150	2
	100	1
	74	5
	60	2
	50	2
	35	2
	24	21
	20	2
Injin Minyak Elektri (Oil Electric)	600	1
	126	1
	16	1
Motor Elektrik	200	1
	100	3
	74	1
	50	6
	30	1
	20	18
	15	22
Generator	500 KVA	1
	100 KVA	1
	30 KVA	1
	12.5 KVA	11
	1.0 KVA	19

Sumber : Fail PTGTr. No 1. M. Tr. 153 / 1973. ANM Kuala Lumpur

Jadual 2.4 menunjukkan jumlah alatan lombong yang dibawa masuk oleh pengusaha ke Terengganu khususnya kawasan Dungun. Terdapat 34 jenis injin berkuasa yang mempunyai kuasa kuda diantara 180 (cc) hingga 40 (cc). Terdapat juga injin wap elektrik sebanyak 37 buah dengan kadar kekuatan kuasa kuda diantara 150 (cc) hingga 200 (cc). Pengusaha juga mempelbagaikan alatan termasuk penggunaan injin minyak elektrik, motor elektrik dan generator dengan kadar kekuatan kuasa kuda yang berbeza-beza. Penggunaan peralatan ini sangat penting untuk meningkatkan lagi jumlah pengeluaran bijih timah di Terengganu.

Negeri Terengganu yang berada di Pantai Timur Semenanjung Malaysia mempunyai sejarah tersendiri dalam sektor perlombongan sebelum tahun 1910. Ketika itu, ia dikenali sebagai Negeri Pertanian. Setelah perpindahan pusat pentadbiran dari Kuala Berang ke Kuala Terengganu, usaha –usaha mencari sumber lain telah giat dilakukan. Dari sudut kegiatan ekonomi pada awalnya, ia lebih tertumpu kepada kegiatan laut, ini kerana majoriti penduduknya tinggal di pesisir pantai menjalankan kegiatan menangkap ikan dan perniagaan meritim. Penemuan Kapal-kapal besar milik masyarakat Melayu di pesisir pantai adalah bukti paling jelas tentang kegiatan ekonomi penduduk tempatan.⁶²

Satu kelainan negeri Terengganu berbanding dengan negeri lain di Pantai Barat ialah sektor perlombongan pada peringkat awal dikuasai oleh orang Melayu. Sektor perlombongan timah diusahakan oleh pembesar-pembesar Melayu dengan menggunakan tenaga tempatan. Kawasan Seri Bandi di daerah Kemaman, lombong-lombong timahnya rata-rata adalah milik orang Melayu.

⁶² ARSEPT, 1938, hlm. 22. ANM, Kuala Lumpur.

Mereka mengusahakannya secara kecil-kecilan. Namun selepas kemasukan British, pelombong-pelombong Cina dan Jepun mulai masuk untuk aktiviti perlombongan. Pengkaji mendapati orang Barat tidak langsung menunjukkan minat terhadap sektor tersebut di Terengganu. Keadaan ini mungkin kerana masyarakat Melayu Terengganu begitu prejudis terhadap orang asing terutama orang Barat. Pemimpin tempatan ternyata sangat benci kepada penjajah sebagaimana ditunjukkan oleh Abdul Rahman Limpong semasa campur tangan Inggeris di Terengganu. Keadaan ini menyebabkan pelabur-pelabur Barat sangat berhati-hati untuk melabur modal di Terengganu.

Kajian mendapati hanya pelabur Jepun sahaja yang berani mencuba nasib iaitu NMC. Oleh kerana Jepun merupakan orang Asia, perasaan kebencian tidaklah begitu ketara. Kebanyakan syarikat yang melabur di Terengganu selepas tahun 1928 adalah berdaftar di Malaya dan Singapura. Kebanyakkan syarikat menggunakan orang tempatan untuk membuka tanah atau lombong. Tujuannya adalah untuk meredakan kemarahan orang tempatan. Kaedah ini dapat mengaburi mata masyarakat tempatan tanpa mengetahui rahsia yang tersirat itu.